

41  
NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD**  
**[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk membantu pemandu-pemandu teksi berdaftar sedia ada, dalam menangani kewujudan GRAB dan UBER agar mereka juga dapat bersama-sama meraih manfaat atau sekurang-kurangnya pendapatan mereka tidak terjejas.**

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah memperkenalkan beberapa inisiatif melalui Pelan Transformasi Industri Teksi (TITP). Inisiatif ini diformulasi bertujuan bagi mengimbangi pendapatan serta kebajikan pemandu teksi dan *e-hailing* dalam memastikan penyelesaian dan mewujudkan persekitaran yang adil kepada semua pemain industri untuk bersaing secara sihat.
2. Kedua-dua pemandu teksi dan pemandu perkhidmatan *e-hailing* akan diberikan layanan yang sama dan perlu mematuhi syarat-syarat dan prosedur yang sama untuk beroperasi. Syarat-syarat yang dikenakan kepada pemandu teksi pada waktu ini seperti pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan kenderaan berkala, keperluan dilindungi insurans dan kad pemandu, akan turut perlu dipatuhi oleh pemandu-pemandu perkhidmatan *e-hailing*.
3. Selain daripada keperluan untuk memenuhi syarat-syarat di atas, pemandu teksi juga sering menyuarakan bahawa mereka tidak dapat bersaing *on the same level playing field* dengan perkhidmatan *e-hailing* kerana mereka perlu mematuhi jenis, model dan spesifikasi kenderaan tertentu untuk dijadikan kenderaan teksi, sementara pemandu perkhidmatan *e-hailing* boleh menikmati kos operasi yang lebih rendah dengan menggunakan kenderaan yang lebih kecil dan lebih murah kos operasinya.

4. Oleh yang demikian, antara inisiatif di bawah TITP adalah pembukaan jenama dan model kenderaan yang boleh digunakan sebagai teksi dan kenderaan *e-hailing* bagi memberikan pilihan kenderaan yang lebih luas yang dirasakan sesuai dengan kelas penumpang yang disasarkan serta kos operasi mereka. Pilihan kenderaan ini adalah tertakluk kepada pematuhan keperluan minimum 3 star rating di bawah ASEAN NCAP.
5. Bagi membantu pemandu teksi untuk keluar dari sistem pajak sedia ada, SPAD melalui pelaksanaan TITP ini akan mengeluarkan permit teksi individu yang baru kepada pemandu teksi yang telah tamat tempoh perjanjian pajakan dengan syarikat. Selain itu, pemandu yang layak juga akan diberikan geran sebanyak RM5,000 sebagai pembayaran pendahuluan atau *downpayment* untuk pembelian teksi baru.
6. Sebelum ini, banyak terma-terma yang digunakan dalam perjanjian sistem pajak antara pemandu dan syarikat teksi didapati adalah berat sebelah dan tidak menjaga kebijakan pemandu. Oleh itu, antara cadangan pindaan dalam Rang Undang-Undang yang telah diluluskan adalah untuk membolehkan SPAD memastikan terma-terma kontrak ini memenuhi standard piawaian minimum yang ditetapkan bagi memberi keadilan kepada kedua-dua pihak iaitu pemandu dan syarikat, selaras dengan salah satu inisiatif yang digariskan dalam TITP.
7. Sementara itu, kadar tambang teksi akan kekal dikawal selia melalui penggunaan meter. Kadar tambang berkenaan adalah kadar tambang siling. Sebagai contoh, sekiranya meter teksi menunjukkan

caj sesuatu perjalanan itu adalah sebanyak RM15, pemandu boleh mengenakan bayaran sebanyak RM15 ataupun kurang daripada nilai tersebut sebagai diskaun bagi menarik minat atau membina reputasi dan hubungan yang baik dengan pelanggan, tetapi tidak boleh mengenakan bayaran melebihi RM15.

8. Tambang perkhidmatan *e-hailing* pula akan menggunakan konsep tambang dinamik iaitu tambang yang berubah mengikut permintaan dan penawaran ke atas perkhidmatan tersebut dalam sesuatu masa. Tambang dinamik ini juga akan dinikmati oleh teksi yang mendapatkan penumpang mereka melalui *e-hailing*.

9. Apa yang penting adalah pengguna masih mempunyai maklumat terhadap mekanisma serta jumlah tambang yang akan dikenakan. Sekiranya pengguna menggunakan *e-hailing*, mereka akan termaklum dengan kadar tambang perjalanan sebelum mereka menaiki atau memesan kenderaan *e-hailing*. Mereka boleh memilih untuk tidak menggunakanannya atau beralih kepada alternatif yang lain sekiranya ia dirasakan mahal. Manakala bagi perkhidmatan konvensional *street hailing*, pengguna dapat mengetahui bahawa tambang mereka adalah berdasarkan mekanisme menggunakan meter.

Sekian, terima kasih.